

05 AUG 1996

MAHATHIR BERUCAP DI DIALOG BEIJING

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menyampaikan ucapan dasar bertajuk "Permulaan Abad Asia - Perspektif Malaysia" di satu dialog antarabangsa di Beijing pada 26 Ogos ini.

Acara itu yang dikenali sebagai "Dialog Beijing Mengenai Perkongsian Malaysia dan China", dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan akan dihadiri tokoh-tokoh perniagaan kedua-dua negara.

Jurucakap Asli berkata Dr Mahathir juga dijadualkan mengambil bahagian dalam dialog terbuka dengan para peserta selepas menyampaikan ucapan perasmian.

Perdana Menteri dijadualkan berlepas ke China pada 24 Ogos dan pulang pada 27 Ogos.

Ahli-ahli perniagaan Malaysia juga akan menghadiri bengkel setengah hari mengenai "Menjalankan Perniagaan di China".

Minggu lepas Dr Mahathir merasmikan dan mengambil bahagian dalam Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) kedua yang dihadiri antara lainnya enam ketua kerajaan.-- BERNAMA

AFY OBA